

Dasar ekonomi galakkan keriasama antara kaum

BH 30/7/03

DASAR ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan selama ini tidak pernah tnenjurus ke arah kewujudan pola perkauman yang boleh menjejaskan sektor perniagaan di negara ini.

Sebaliknya, dasar yang diamalkan kerajaan sentiasa berusaha ke arah menggalakkan usahawan Cina dan Bumiputera bekerjasama lebih erat serta saling membantu.

Pengerusi Persekutuan Dewan Perdagangan dan Industri Cina Malaysia (ACCCIM), Datuk David Chua, berkata, perkara itu terbukti dengan pencapaian negara sehingga ini.

Katanya, dasar berkenaan juga berkesan dalam memastikan ker-

jasama ahli pemiagaan Bumiputera dan Cina di negara ini dapat dipupuk serta terus ditingkatkan.

"Ini perlu dilakukan terutamanya untuk tujuan penerokaan ke dalam bidang baru yang memerlukan gabungan tenaga, kepakaran serta input daripada kedua-dua pihak.

"Usahawan Bumiputera dan Cina boleh saling menawarkan kelebihan masing-masing bagi menjayakan sesuatu usaha perniagaan secara lebih berkesan serta menyeluruh," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Berita Harian ketika diminta mengulas bagaimana Bumiputera boleh mengadakan kerjasama sebenar dengan masyarakat

Cina dalam proses pembinaan negara.

Ia sejajar saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, kelmarin supaya masyarakat Cina menyumbang secara lebih ketara dalam proses pembinaan negara tempat tinggal mereka.

Dr Mahathir dalam ucapannya merasmikan Persidangan Usahawan Cina Sedunia ke-7, berkata, proses itu boleh dilakukan dengan cara masyarakat Cina mengadakan perkongsian sebenar dengan rakyat asal di sesuatu tempat.

Chua berkata, di Malaysia proses itu berlaku secara spontan kerana kaum Cina dan Bumipu-

tera bukan saja mempunyai sistem pendidikan yang sama, malah latar belakang yang serupa.

Sebagai contoh katanya, di Malaysia, adalah tidak menjadi masalah untuk kaum Cina bekerja di syarikat milik Melayu dan begitu juga sebaliknya.

"Selain itu, penyusunan setnula syarikat di negara ini tidak dibuat berasaskan faktor perkauman sebaliknya dilakukan mengikut fungsi ekonomi serta politik," katanya.

Sehubungan itu Chua berkata, pengalaman Malaysia dalam soal mengintegrasikan kaum adalah jauh lebih baik berbanding dasa tnenangani polarisasi kaum di negara lain.